



BAB 1

PENDAHULUAN

A. LATAR BELAKANG MASALAH

Bumi Palestina adalah bumi anbiyak. Bumi Palestina adalah bumi Isra` dan Mikraj baginda Nabi Muhammad SAW yang terletaknya kiblat pertama ummat Islam iaitu Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis. Bumi Palestina adalah bumi yang telah diwaqafkan oleh Saidina Omar Al-Khattab kepada umat Islam seluruhnya. Namun peristiwa Nakbah yang telah dirancang sejak tahun 1897 oleh Zionis Yahudi disusuli dengan penaklukan British ke atas Palestina pada tahun 1917 dengan restui Parlimen British. Pelobi Yahudi berjaya mendapat izin supaya bangsa Yahudi dibenarkan memasuki Palestina sebagaimana yang termaktub dalam Deklarasi Balfour 1917. Pembahagian Palestin kepada negara Arab dan Yahudi oleh Resolusi PBB 181 pada tahun 1947 dan penceobohan pengganas Yahudi ke atas Palestina pada tahun 1948 sebenarnya adalah titik hitam kepada penderitaan yang berlanjutan hingga kini.

Bumi Palestina kini terus-menerus diserang dari masa ke masa, peristiwa serangan demi serangan sentiasa berlaku tanpa mengira masa. Penggunaan senjata yang canggih oleh tentera Yahudi ke atas umat Islam berbanding senjata yang sangat terhad oleh umat Islam Palestina menyebabkan semakin hari semakin banyak kematian yang berlaku. Peristiwa Nakbah menyaksikan 800 ribu rakyat Palestina diusir dari rumah dan tanahair mereka dan terpaksa tinggal di khemah pelarian sehingga jumlah mereka mencecah lebih dari lima juta orang. Pada 27 Disember 2008 sehingga 20 Januari 2009, Israel telah menyerang Gaza mengakibatkan 1,400

penduduk Gaza terbunuh, 80 peratus daripadanya adalah orang awam, 6,400 buah rumah musnah dan kira kira 75 peratus bangunan musnah akibat serangan dan kepungan yang berterusan selama tiga minggu itu. Kemusnahan ke atas Gaza dicapai dengan penggunaan teknologi ketenteraan Amerika, helikopter Apache, fosforus putih, depleted uranium, bom kluster dan senjata baru seperti dense inert material explosives (DIME) yang menyebabkan kecederaan yang tidak pernah dirawat oleh doktor sebelum ini.

Dalam keadaan begitu, maka umat Islam Palestina bangkit mempertahankan diri dan negara mereka dari terus dibunuh dan diserang oleh Yahudi Israel. Wujudlah beberapa pertubuhan rakyat Palestina seperti Pertubuhan Pembebasan Palestina (PLO) yang diasaskan pada tahun 1964 oleh Yasser Arafat. PLO berhasrat menghapuskan Negara Israel melalui tindakan bersenjata. Setelah Yasser Arafat meninggal dunia, tempatnya digantikan oleh Mahmood Abbas.

Pada 14 disember 1987 Al-Harakatul Muqawamatul Islamiyyah (Hamas) atau Gerakan Pembela Islam telah ditubuhkan oleh Syeikh Ahmad Yaasin bertujuan untuk menyelamatkan umat Islam Palestina dari terus dibunuh dan mempertahankan negara Palestina dari terus di serang oleh Yahudi Israel. Pengebom berani mati adalah cara yang terbaru yang digunakan oleh para Mujahidin Palestina bagi menghadapi tentera Yahudi. Terbukti cara ini menyebabkan tentera Yahudi merasa sangat bimbang dan takut dengan taktik terbaru tentera Palestina ini.

Pada 20 Ogos 2003 seramai 18 orang Yahudi terbunuh dan 120 orang cedera dalam satu serangan oleh pengebom berani mati di kota Baitul Maqdis. Serangan itu

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:

- a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
- b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.

2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.



menyebabkan Yahudi ketakutan dan sangat marah sehingga Perdana Menterinya, Ariel Sharon memutuskan untuk membatalkan sebarang dialog dengan Palestina sebagai membantah serangan itu. Bangsa Israel adalah bangsa yang melatih seluruh keluarga mereka supaya menjadi tentera. Para pemuda dan wanita Yahudi adalah askar dalam ketumbukan tentera Israel. Mereka boleh memanggil tentera mereka bagi melaksanakan tugas pada bila-bila masa sahaja. Seandainya ada kalangan kanak-kanak ataupun orang tua terkorban dalam serangan pengebom berani mati itu, ia bukan disengajakan tetapi tersalah. Ataupun keadaan itu dinamakan darurat peperangan seperti mana yang dipermudahkan dalam syarak, iaitu keadaan darurat mengharuskan perkara yang membahayakan.

Berdasarkan kepada situasi yang dinyatakan di atas maka terdapat persolan berkenaan hukum bom bunuh diri. Adakah perbuatan tersebut dibenarkan di dalam syariat Islam atau tidak? Para ulama kontemporari berbeza pandangan dalam hal ini. Dr Yusuf Al-Qardhawi, Ketua Umum Kesatuan Ulama Islam Sedunia menyatakan bahawa perbuatan bom bunuh diri yang dilakukan oleh rakyat Palestina itu adalah harus mengikut syariat Islam disebabkan keadaan penindasan dan pembunuhan umat Islam yang begitu dahsyat di sana. Sementara Syeikh Abdul Aziz Bin Baz, mantan Mufti Saudi Arabia pula menyatakan bahawa perbuatan bom bunuh diri itu adalah haram mengikut syariat Islam kerna ia adalah satu perbuatan membunuh diri yang dilarang oleh Islam.

Meneliti sikap dan pendirian kedua-dua ulama tersebut di dalam hukum tentang bom bunuh diri, ternyata terdapat dua pandangan yang berbeza. Sudah pasti,

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:

- a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
- b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.

2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.



kedua-duanya mempunyai hujjah dan dalil tersendiri yang akhirnya melahirkan pendapat yang berbeda. Untuk meneliti perbedaan pandangan kedua-dua ulama ini, maka penulis berhasrat untuk menghasilkan skripsi ini dengan judul “HUKUM BOM BUNUH DIRI DALAM JIHAD DI PALESTINA: STUDI KOMPARATIF ANTARA DR YUSUF AL-QARDHAWI DAN SYEIKH ABDUL AZIZ BIN BAZ”.

B. BATASAN MASAALAH.

Agar penelitian lebih berfokus dan tidak meluas dari pembahasan yang tidak berkaitan, maka skripsi ini akan membatasi tentang kajian hukum bom bunuh diri yang dilakukan oleh pejuang Islam Palestina ke atas orang-orang Yahudi sahaja, sama ada ia diharuskan atau diharamkan dalam syariat Islam.

C. RUMUSAN MASALAH.

Dalam melakukan penelitian ini, rumusan masalah adalah seperti berikut :

1. Bagaimana pendapat Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz tentang hukum pengebom berani mati di Palestina?
2. Bagaimana dalil-dalil yang digunakan oleh Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz mengenai hukum pengebom berani mati di Palestina?
3. Bagaimana analisis komparatif hukum Islam terhadap pandangan Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz tentang hukum pengebom berani mati di Palestina?

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

D. TUJUAN DAN MANFAAT PENELITIAN

Melalui penulisan skripsi ini akan dapat mencapai tujuan-tujuan seperti berikut:

1. Untuk mengetahui pendapat Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syekh Abdul Aziz Bin Baz mengenai hukum pengebom berani mati di Palestina.
2. Untuk mengetahui dalil yang digunakan oleh Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syekh Abdul Aziz Bin Baz mengenai hukum pengebom berani mati di Palestina.
3. Untuk mengetahui analisis komparatif hukum Islam terhadap pandangan Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syekh Abdul Aziz Bin Baz mengenai hukum pengebom berani mati di Palestina.

Adapun manfaat penelitian ini adalah untuk menambah khazanah pengetahuan bagi penulis dan bagi mereka yang nantinya membaca skripsi ini. Selain itu diharapkan dengan adanya penelitian akan mempermudah mereka yang ingin mengkaji atau meneliti pendapat Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syekh Abdul Aziz Bin Baz tentang hukum pengebom berani mati di Palestina.

E. METODOLOGI PENELITIAN

1. Jenis Penelitian

Penelitian yang dilakukan adalah jenis penelitian kepustakaan (library research). Seluruh data yang digali pada giliran berikutnya dianalisa, bersumber dari buku-buku ataupun tulisan yang bertebaran di berbagai media, baik cetak maupun elektronik. Adapun data-data tersebut tidak terbatas

hanya pada tulisan dua tokoh yang menjadi objek kajian dalam penelitian ini (Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz), tetapi juga melibatkan penulisan orang lain yang mempunyai kaitan dengan perkara penelitian ini.

2. Subjek dan Objek Penelitian

Penelitian ini menekankan tentang hukum pengebom berani mati di Palestina sebagaimana dinyatakan oleh Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz sebagai subjek penelitian. Selain itu, dalil digunakan kedua tokoh dalam mengemukakan hukum tersebut dan kaitannya dengan hukum Islam juga merupakan subjek penelitian ini.

Manakala objek penelitian ini adalah kedua-dua tokoh itu sendiri iaitu Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz serta karya utama mereka iaitulah kitab Fatawa Palestin dan kitab Fatawa Syar'iyyah.

3. Sumber Data

Oleh kerana penelitian ini adalah kajian kepustakaan, maka sumber datanya adalah karya yang dihasilkan oleh kedua tokoh tersebut atau disebut juga dengan data utama (primer). Sedangkan sumber data bantu atau tambahan (sekunder) adalah kajian-kajian yang membahas mengenai kedua tokoh tersebut, atau bahan-bahan yang membahas mengenai hukum pengebom berani mati di Palestina di mana nantinya diperlukan untuk mendukung dalam melakukan pembahasan. Adapun data utama dari Dr Yusuf

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.



Al-Qardhawi adalah kitab berjudul Fatawa Palestin dan dari Syeikh Abdul Aziz Bin Baz adalah kitab berjudul Fatawa Syar'iyah.

4. Teknik Analisis

Teknik analisis penelitian ini adalah secara deskriptif – komparatif – analitis. Dengan teknik deskriptif digambarkan mengenai hukum pengebom berani mati di Palestina oleh Dr Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz. Setelah dideskripsikan lalu dilakukan analisis secara komparatif untuk mengetahui persamaan dan perbezaan dalil yang digunakan kedua-dua tokoh. Setelah ditemukan persamaan dan perbezaan, dilakukan lagi analisis untuk mengetahui relevansi pemikiran keduanya dalam konteks hukum Islam. Langkah terakhir adalah analisis yang berusaha mempertegas (menemukan) posisi masing-masing kedua tokoh dalam pandangan mereka terhadap hukum pengebom berani mati di Palestina.

F. SISTEMATIKA PENULISAN

Agar skripsi ini menjadi lebih mudah untuk dicermati, maka diperlukan sistematika penulisan yang jelas dan runtun. Oleh sebab itu, skripsi ini direncanakan terdiri dari Lima Bab dengan penjelasan sebagaimana berikut:

Bab Pertama merupakan Pendahuluan yang membahas mengenai latar belakang masalah, terkait dengan alasan diangkatnya judul skripsi ini, kemudian rumusan masalah yang menjadi persoalan penelitian. Kemudian tujuan dan manfaat penelitian, metodologi penelitian dan sistematika penulisan. Adapun Bab Kedua akan

membahaskan latar belakang kedua-dua tokoh yang menjadi subjek kajian ini, sedangkan Bab Ketiga pula akan meneliti konsep jihad dalam Islam dan juga kedudukan perbuatan megebom bunuh diri sebagai satu metod jihad serta pandangan para ulama tentangnya. Dalam Bab Keempat pula akan dianalisis apakah pendapat DR Yusuf al-Qaradhawi dan Syeikh Abdul Aziz Bin Baz tentang hukum bom bunuh diri serta apakah dalil-dalil yang digunakan oleh mereka dalam menetapkan hukum tersebut. Bab Lima merupakan penutup terdiri dari kesimpulan seluruh rangkaian yang telah dikemukakan pada bab-bab sebelumnya dan sekaligus merupakan jawapan dari pokok permasalahan. Pada bab ini juga dikemukakan saran-saran dan rekomendasi.

Hak Cipta Dilindungi Undang-Undang

1. Dilarang mengutip sebagian atau seluruh karya tulis ini tanpa mencantumkan dan menyebutkan sumber:
 - a. Pengutipan hanya untuk kepentingan pendidikan, penelitian, penulisan karya ilmiah, penyusunan laporan, penulisan kritik atau tinjauan suatu masalah.
 - b. Pengutipan tidak merugikan kepentingan yang wajar UIN Suska Riau.
2. Dilarang mengumumkan dan memperbanyak sebagian atau seluruh karya tulis ini dalam bentuk apapun tanpa izin UIN Suska Riau.

